

Amaran PM kepada kuasa asing wajar

UM 27 JAN 200
Oleh ZABRY MOHAMAD

KUALA LUMPUR 1 Jan. — Ketegasan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran kepada negara asing yang cuba mencabul kebebasan negara ini dianggap wajar lebih-lebih lagi dalam keadaan Malaysia yang sedang berdepan dengan pelbagai ancaman dari luar.

Beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berpendapat, ketegasan sedemikian amat penting bagi mengelak kewibawaan dan kedaulatan negara ini daripada diceroboh oleh kuasa-kuasa asing.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim berkata, ketegasan Perdana Menteri itu membuktikan bahawa Malaysia sanggup berdepan dengan apa saja bentuk ancaman dari luar.

Jelasnya, amaran itu juga menunjukkan ketegasan beliau dalam mempertahankan soal maruah rakyat di negara ini.

"Sudah sampai masanya Malaysia menunjukkan 'taringnya' kepada dunia.

"Biar dunia tahu bahawa kita sanggup berperang hingga ke titisan darah terakhir semata-mata untuk mempertahankan negara," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Suhaimi menambah, keangkuhan Singapura yang enggan berkompromi menyelesaikan bebe-

rapa isu di antara kedua-dua buah negara seolah-olah menganggap negara ini lemah dan boleh diperlekehkan.

"Singapura menganggap kita lemah kerana selama ini kerajaan bertindak 'lembut' untuk menyelesaikan sesuatu perkara yang melibatkan kedua-dua buah negara.

"Hakikat yang sebenar adalah sebaliknya kerana kita lebih suka menyelesaikannya secara aman," jelasnya.

Mencabul

Dr. Mahathir dalam perutusan tahun baru 2003 semalam memberi amaran kepada negara asing untuk bersedia menerima padah sekiranya mereka berani mencabul kebebasan negara ini.

Jelas Perdana Menteri, terdapat negara asing yang begitu angkuh mendakwa bahawa mereka berhak untuk mengambil tindakan pencegahan

(*pre-emptive*) dan mempertahankan diri dari awal (*forward defence*) terhadap Malaysia.

Menurut Naib Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Sobri Ahmad, amaran Dr. Mahathir itu jelas membuktikan rakyat negara ini sentiasa bersatu padu apabila tiba soal mempertahankan negara walaupun mereka mempunyai perbezaan fahaman politik, ideologi, agama dan bangsa.

Beliau memberitahu, keganasan dan paksaan jelas bukan budaya rakyat di negara ini dalam menyelesaikan sebarang masalah.

"Pendekatan yang diambil dalam menangani sesuatu isu lebih-lebih lagi yang melibatkan negara lain sepatutnya melalui saluran yang bersifat diplomasi serta berhemah.

"Ini penting bagi mengekalkan keamanan dan kesejahteraan sejagat," katanya lagi.

Sementara itu, Presiden Pergerakan Keadilan Sedunia (Just), Dr. Chandra Muzaffar memberitahu, setiap negara yang merdeka seperti Malaysia berhak mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara masing-masing.

"Dalam situasi politik antarabangsa yang wujud sekarang ini, dapat dilihat bahawa mereka yang berkuasa seperti Amerika Syarikat termasuk konco-konco elitnya iaitu Australia, Israel dan Britain tidak menghormati undang-undang antarabangsa.

"Segala tindakan mereka jelas bertentangan dengan piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu," katanya.

Pencerobohan

Negara-negara kecil, tambah beliau, seharusnya berganding bahu supaya kuasa-kuasa besar tidak boleh sewenang-wenangnya menceroboh kedaulatan negara mereka.

Dr. Chandra berharap isu pencerobohan oleh kuasa-kuasa besar ke atas negara-negara kecil dapat dijadikan agenda utama dalam persidangan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada bulan depan.

Jelas beliau, keanggotaan NAM sebanyak 114 buah negara memungkinkan satu strategi dihasilkan bagi menangani isu tersebut.